



SEKTOR PEMBELAJARAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KELANTAN
 Bandar Baru Tunjong,
 16010 Kota Bharu, Kelantan.

MINIT CURAI

PERKARA	BENGKEL KERJA PEMBANGUNAN KOMPETENSI DAN KUALITI PEGAWAI PROGRAM PEMULIHAN KHAS JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KELANTAN TAHUN 2023	TARIKH	23- 25 OGOS 2023
RUJ. SURAT		MASA	8.30 am - 10.00 pm
TEMPAT	HOTEL COPTHORNE	ANJURAN	SEKTOR PEMBELAJARAN JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KELANTAN
PEGAWAI YANG HADIR: (PENGURUSI MESYUARAT/PENGURUSAN TERTINGGI) MOHD HASSANY BIN HASHIM (TIMBALAN PENGARAH PENDIDIKAN) SAIFUL AZUAR BIN IDRIS (PENOLONG PENGARAH) CHE NORSUZIANA BINTI CHE OMAR (PENOLONG PENGARAH) HASSAN HELMI BIN YAACOB (PENOLONG PENGARAH)			
BIL.	PERKARA / ISU		
1.	Ucapan alu-aluan		
2.	SLOT 1 : Pengucapan Awam penceramah : En. Hassan Helmin Bin Yaacob (Penolong Pengarah Unit Sains Sosial JPNK) 1. Sesi taaruf / Ice breaking 2. Pengucapan Awam { Pendekatan Komunikasi Berkesan } - Hormat majlis (aluan/bina keyakinan dalam 60 saat pertama confident/nervous) - Penguasaan tajuk - definisi tajuk ucapan - Jika ceramah, mulakan dengan a) biodata penceramah b) fakta yang memberangsangkan c) data menarik d) kenyataan provokatif e) simulasi yang menimbulkan gimik f) preview kandungan dan ilmu g) rakan seregu h) suspen - Pengenalan tajuk a) Petik kata pujangga b) merujuk kepada majlis/hadirin		

	- Kandungan isi penceramah a) fakta/isi yang jelas & meyakinkan (diolah untuk mudah difahami sesuai dengan audien) b) contoh yang menarik c) sokongan yang tepat dan meyakinkan d) penggunaan alat bantu (slaid power point/LCD dsb) e) datang awal ke majlis d) kenali latar belakang audien - Langkah-langkah penyediaan & persembahan ucapan berkesan a) mengawal kegugupan b) menganalisis diri sendiri & audien c) mengumpul bahan ucapan - berkait dengan topik majlis d) menyusun bahan e) merancang persembahan f) merancang penutup g) berlatih h) menyampaikan ucapan / persembahan ucapan - Bahan ucapan : Pengenalan : 15% Isi/badan : 75% Penutup : 10% - Bahasa badan (anggota badan yang perlu digerakkan selaras dengan sebutan lisan/gerakan spontan, menyokong bahasa lisan supaya lebih mudah difahami & berkesan kepada audien / espresi wajah / kontak mata) - Bahasa badan dan unsur-unsur a) Penampilan diri b) posisi tubuh c) mendekati & meninggalkan tempat berucap (keselesaian) d) gerakan tubuh (body language) e) tempat berucap f) penggunaan nota g) penggunaan rostrum h) penggunaan mikrofon i) kontak mata (jujur/bersungguh-sungguh dalam penyampaian) j) mimik muka - Suara a) kekuatan b) kelajuan c) nada/intonasi d) lafaz sebutan e) ulangan - 7 perkara penting a) tajuk menyeluruh / semua aspek b) tiada unsur perkauman / politik c) tidak menyentuh peribadi/kumpulan/kaum d) bersedia (fizikal/mental/emosi) e) menguasai bidang f) keyakinan diri
--	---

- **Teknik mengekalkan minat audien**
 - a) unsur kecindan
 - b) penggunaan bahasa segar (kata-kata indah/pantun/peribahasa)
- **Panduan dalam penyampaian**
 - a) gaya tersendiri
 - b) bahasa badan
 - c) jangan gopoh
 - d) adakan hubungan dengan audien / komunikasi
 - e) sembunyi kesilapan
 - f) jangan mula dengan merujuk nota
 - g) guna alat bantu berkesan
 - h) rujuk nota sekali-sekala
 - i) beredar dengan yakin
- **Perkara yang perlu dielak**
 - a) gelisah / gopoh
 - b) menunjukkan ego
 - c) huraian panjang / berbelit
 - d) menyinggung khalayak
 - e) kerap melihat jam
 - d) menyalahkan masa
 - e) menukar gaya bercakap
 - f) berhenti tiba-tiba
 - g) meminta maaf berulang kali
 - h) teknik menarik perhatian secara tidak berhemah
- **Berucap secara spontan**
 - a) salam
 - b) seperti sedia maklum
 - c) harapan saya
 - d) terima kasih
- **Contoh ucapan spontan :**
(APC / pencen / naik pangkat / perpisahan / AJL dll)
- **Cara mengurangkan rasa cemas**
 - a) 60 minit pertama (nervous / smooth)
 - b) doa / intro awal yang biasa
 - c) rising intonation vs falling intonation, kedengaran yakin, perlu praktik rising intonation bukan falling intonation.
- **Tips yakin berdepan dengan khalayak**
 - a) sentiasa berwuduk
 - b) solat hajat 2 rakaat
 - c) jangan tinggal solat sunat dhuha

3.	SLOT 2 2.0 Perkongsian Amalan Terbaik Program Pemulihan Khas PPD Temerloh iaitu yang dinamakan sebagai Program C-PLUS) 2.1 Perkongsian Program C-PLUS disampaikan oleh Puan Zuraini Binti Agusi dan Puan Elia Binti Hasimi 2.2 Penerangan tentang logo C-PLUS - Huruf C besar (mewakili SIFAR) dibelakang segitifa menunjukkan usaha ke arah sifar pemulihan adalah keutaman PPD, GB dan guru. - 3 warna merah, biru dan hijau mewakili 3 pihak yang menjadi tonggak Pemulihan Khas (PPD, GB dan guru) - Anak panah yang menyambung antara 2 warna menunjukkan hubungan mantap yan gberterusan dan salaing melengkapi antara satu sama lain. - Bentuk segitiga melambangkan pementoran berperingkat antara PPd, pentadbir sekolah dan guru-guru. - Tapak segiempat bermakna penguasaan 3M adalah asas/tapak kepada kemenjadian murid pemulihan ke peringkat seterusnya. 2.3 PPD Temerloh ada 66 buah sekolah dan dibahagikan kepada 4 zon iaitu : 1. Zon Semantan (Puan Elia Hasimi) 2. Zon Mentakab (Puan Zuraini Agusi) 3. Zon Kuala Krau (Puan Zunaidah Abd Aziz) 4. Zon Lanchang (Encik Mohd Syahir Aripin) 2.4 Dalam C-PLUS, 3 data dibuat iaitu KPM - APDM JPN - Dashboard Pemulihan PPD - Rekod Ansur Maju 2.5 Melalui Rekod Ansur Maju, 2.5.1 Awal Tahun, guru pemulihan khas disemua sekolah, diminta mengisi maklumat murid iaitu nama murid yang terlibat dengan program /kelas pemulihan khas beserta TOV. 2.5.2 Guru Pemulihan Khas juga mesti mengisi nama murid yang disasarkan untuk melepasi pemulihan khas. 2.5.3 Data boleh dilihat dengan lebih mudah dan dapat dijana dalam jangka masa yang singkat. 2.6 Timbul isu : 1339 orang murid belum menguasai 3M. Terdapat beberapa persoalan timbul iaitu - Why 1 - Kenapa masih ada murid yang belum kuasai 3m? Intervensi kurang berkesan - Why 2 - Kenapa intervensi kuran g berkesan? Intervensi kuran berfokus - Why 3 - Kenapa intervensi kurang berfokus? Guru berada berada di zon selesa. - Why 4 - Kenapa guru berada di zon selesa? Kurang perhatian dari pentadbir - Why 5 - Kenapa kurang perhatian dari pentadbir ? Proses FUFT yang kurang mantap.
----	---

2.7 Adakan Dialog Prestasi untuk pemulihan Khas.
Wujudkan APCD

P - Plan (rancang)

Data murid dan guru

1. Tentukan sekolah
2. Tentukan Kemahiran
3. Tentukan aspek SKPMg2 std 4

Perancangan Program

1. Bimbingan
2. Bengkel dan kursus

D - Do (laksana)

Laksanakan semua program yang dirancang

1. Bimbingan rutin
2. Bimbingan berfokus _SKPMg2 Std4
3. Bengkel Peningkatan kualiti PdPc (Bina RPH dan BBM)
4. Bengkel Pengurusan Headcount
5. Bengkel Verifikasi Data

C - Check (semak)

menilai keberkesanan program
menganalisis data

1. APDM
2. Dashboard Pemulihan - JPN
3. **Sheet Ansur Maju Kemahiran Murid**

A - Action (bertindak)

Intervensi berdasarkan kutipapan data dalaman berakhir pada 30 Jun 2022
(Adakan Dialog Pemulihan Khas)

2.8 Proses "Check and Action"

DIALOG PRESTASI

- Penubuhan Task Force dalam kalangan Guru Besar (sebagai Pengerusi Zon dan Daerah
- Penetapan sasaran 50% pengurangan murid pemulihan

KHIDMAT BANTU

- Penubuhan Task Force dalam Kalangan guru pemulihan
- sekolah fokus dipilih berdasarkan data Ogos.

GERAK GEMPUR

- Penubuhan Task Force di Peringkat PPD
- Setiap Zon diketuai oleh seorang Timbalan PPD

IMPAK - DAERAH DAN SEMUA ZON BERJAYA MENCAPI KPI PENGURANGAN MURID PEMULIHAN KHAS SEKURANG-KURANGNYA 50%

4.	SLOT 3: ALU-ALUAN DAN MAJLIS PERASMIAN 3.1 Ucapan oleh Penghulu Bengkel Kerja En Mohd Zulkifli bin Yunus Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Unit Pemulihan Khas Sektor Pembelajaran PPD Tumpat 3.1.1 En Mohd Zulkifli bin Yunus selaku Penghulu Bengkel mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan kerana telah menganjurkan Bengkel Kerja seumpama ini yang dapat meningkatkan kompetensi dan produktiviti serta kualiti kerja pegawai-pegawai pemulihan khas. 3.2 Ucapan alu-aluan dan perasmian oleh: En Mohd Hassany bin Hashim, Timbalan Pengarah Pendidikan Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan 3.2.1 Isu perjawatan Pegawai Pemulihan dan Guru Pemulihan. i) Iklan kekosongan telah dimaklumkan kepada Sektor Pengurusan Sumber Manusia. Dijangka awal bulan depan iklan akan disiarkan kepada umum untuk mengisi kekosongan tersebut. ii) Syarat permohonan, pengisian perjawatan ini mesti opsyen Pemulihan Khas atau mempunyai pengalaman mengajar Pemulihan Khas sekurang-kurangnya 5 tahun dan mempunyai komitmen untuk menjalankan tugas pemulihan khas ini. 3.2.2 Pemulihan Khas merupakan aspek kritikal dan perlu diberi perhatian kerana telah dimasukkan dalam tujuh teras Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu dalam Teras yang keempat: Keciciran pendidikan dan masalah literasi, rapatkan kesenjangan pendidikan. 3.2.3 Isu kekurangan Guru Pemulihan Khas iaitu hampir 500 orang jumlah seluruh Malaysia. Kekurangan ini ekoran daripada ketiadaan guru baharu bagi opsyen Pemulihan Khas dan ketiadaan Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO). Setakat ini, PITO hanya wujud bagi Bahasa Inggeris. 3.2.4 Data murid Pemulihan Khas bagi Mac 2023 sebanyak 11, 693 orang. Data bulan Ogos sebanyak 9,393 iaitu telah berlaku pengurangan sebanyak 2,300 orang. Purata pengurangan sebanyak 20%. Sedangkan data ini perlu selesai bagi bulan Mac 2024. Oleh itu, perlu ada tindakan dan intervensi bagi memastikan matlamat tercapai. 3.2.5 Murid pemulihan tahun enam perlu menguasai sekurang-kurangnya sehingga kemahiran 30 sebelum melangkah ke sekolah menengah iaitu murid telah menguasai kemahiran asas membaca. Kemahiran 31 dan kemahiran 32 iaitu membaca dan membina ayat mudah serta bacaan dan pemahaman boleh diteruskan di sekolah menengah. 3.2.6 Setiap daerah perlu peka dengan jumlah murid pemulihan di tahun enam. Tindakan susulan dengan guru pemulihan perlu lebih kerap agar murid tersebut dapat dipulihkan sebelum ke sekolah menengah.
----	---

	3.2.7 Sekolah yang tiada Guru Pemulihan Khas boleh menggerakkan Guru Pemulihan Khas dari sekolah berdekatan untuk membantu contohnya guru pemulihan dari sekolah berdekatan membantu mengajar murid pemulihan di sekolah tersebut selama dua hari setiap seminggu dalam tempoh tertentu. 3.2.8 Setiap Pegawai Pemulihan yang kunjung bantu ke sekolah perlu mendapatkan maklumat Murid Pemulihan Khas daripada Guru Besar atau Penolong Kanan Pentadbiran terlebih dahulu sebelum memperolehi maklumat daripada Guru Pemulihan. Ini bagi memastikan data yang dikumpul adalah sama di samping dapat melihat kecaknaan pentadbir dalam Program Pemulihan Khas. 3.2.9 Kelas Pemulihan Khas mesti dilawati oleh Pegawai Pemulihan Khas. Jemaah Nazir juga telah diberi tanggungjawab untuk mengadakan lawatan ke kelas pemulihan khas. 3.3.0 Setiap kunjung bantu bagi Program Pemulihan Khas perlu berdasarkan Garis Panduan Pemulihan Khas yang dikeluarkan oleh KPM. Pegawai Pemulihan Khas perlu memastikan kelas pemulihan khas berada dalam keadaan kondusif. 3.3.1 Tiada peruntukan khas untuk Program Pemulihan Khas tetapi Kelas Pemulihan Khas boleh menggunakan peruntukan daripada Panitia Bahasa Melayu, Matematik, Unit Bimbingan dan Kaunseling serta peruntukan panitia lain kerana dengan kemenjadian murid pemulihan ini, secara tidak langsung menyumbang kepada guru-guru lain mengajar dengan lebih baik. 3.3.2 Cadangan: Timbalan Pengarah Pendidikan mencadangkan diadakan Majlis Pemufakatan atau PLC Pemulihan Khas yang melibatkan Pegawai-pegawai Pemulihan Khas serta JU Pemulihan Khas di peringkat negeri. 3.3.3 En Mohd Hassany bin Hashim, Timbalan Pengarah Pendidikan, Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan merasmikan Bengkel Kerja Pembangunan Kompetensi dan Kualiti Pegawai Pemulihan Khas, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan Bagi Tahun 2023 dengan lafaz "Bismillahirrahmanirrahim".
5.	SLOT 4 4.0 Analisis Data dan Pelaporan Program Pemulihan Khas 4.1 Perjawatan Guru Pemulihan dan Penjajaran Pegawai Pemulihan Khas 4.1.1 Pemansuhan jawatan guru program pemulihan khas di SKM bertujuan untuk menampung kekurangan sumber perjawatan bagi keperluan perjawatan pada tahun 2018. 4.1.2 Pada tahun 2017 Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (Pemulihan) telah dihentikan berdasarkan ketetapan dalam Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007.

	4.1.3 Pembentangan data guru opsyen program pemulihan khas mengikut daerah (rujuk slaid). 4.1.4 Pegawai di daerah perlu mengenalpasti guru yang opsyen program pemulihan khas tetapi tidak mengajar kelas pemulihan khas. 4.1.5 Pembentangan unjuran guru program pemulihan khas yang akan bersara wajib mengikut tahun. Dalam tempoh 5 tahun, 43 orang guru akan bersara. 95 orang guru akan bersara dalam tempoh 10 tahun. 4.2 Data Pemulihan Khas 4.2.1 Pembentangan data murid program pemulihan khas. (rujuk google drive Pemulihan Kelantan) https://sites.google.com/moe.gov.my/pemulihankhaskelantan/home. 4.2.2 68% daripada murid program pemulihan khas mengikuti Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan 32% daripada murid pemulihan khas tidak mengikuti Pendidikan Awal Kanak-kanak. 4.3 Hal-hal lain 4.3.1 Kolaboratif pegawai pra Sektor Pengurusan Sekolah dan Sektor Pembelajaran. 4.3.2 Penyelaras PLaN mengurus untuk melaksanakan program. Pengisian dilaksanakan oleh pegawai SISC+. 4.3.3 Cadangan PLC di Sabah.
6.	SLOT 5 PDCA DALAM BIMBINGAN 1. PLAN 1.1 Analisis data dan isu / masalah 1.2 Penetapan objektif, matlamat dan KPI bimbingan 1.3 Menentukan konsep dan sistem / kaedah pelaksanaan (Kertas Konsep) 1.4 Bina garis masa 1.5 Mewujudkan instrumen dan borang bimbingan dan tindakan susulan 2. DO 2.1 Penataran bimbingan

	2.2 Pengesahan kehadiran. Pegawai menyediakan buku pergerakan dan ditandatangani oleh pihak pentadbir semasa kunjung bantu. 2.3 Pelaksanaan bimbingan. Digalakkan membuat temujanji terlebih dahulu bersama guru dan dimaklumkan juga kepada pentadbir. 2.4 Penambahbaikan bimbingan. Bimbingan pegawai perlu dinilai keberkesannya melalui maklum balas daripada guru yang dibimbing. 3. CHECK 3.1 Instrumen penilaian 3.2 Menilai Penilaian (Keberkesanan). 3.3 Pelaporan dan Pembentangan. Dibuat dalam <i>One Page Report</i>. Perkongsian Amalan Terbaik, Penandaarasan dan konsultasi kelompok. 3.4 Tindakan Susulan. Mengadakan tindakan susulan kepada kumpulan sasaran berfokus. 4. ACTION 4.1 <i>3 Feet Plan</i> 4.2 Tindakan Susulan / Intervensi kepada kumpulan sasaran berfokus. Penghargaan dan pemberian sijil kecemerlangan. Salinan sijil dicadangkan disimpan oleh pegawai untuk menunjukkan impak bimbingan. 4.3 Pelaporan dan Pembentangan. Melaporkan impak tindakan susulan kepada Timbalan Sektor. Mengenalpasti program yang perlu ditambahbaik, program perlu dilakukan dan program yang perlu dihentikan. 5. HAL-HAL LAIN 5.1 Pegawai dicadangkan membuat <i>cross check</i> dengan data yang berkaitan sebelum merancang sesuatu program. 5.2 Minta guru sendiri menulis kekuatan dalam PdP seperti memberi bilangan bintang. 5.3 Guru boleh saling membantu antara sekolah dalam meningkatkan pencapaian murid. 5.4 Keseragaman / konsep yang sama digunakan oleh pegawai dalam membuat bimbingan.
7.	SLOT 6-BENGKEL KERJA:Strategi Pemantapan Pelaksanaan KSSR(Semakan 2017) Bagi M/P Matematik dan Sains Tahun 1 (Pn Che Norsuziana bt Che Omar)

	1. Pendedahan Bengkel -melibatkan BM/BI/MT/SN Thn 1 dan punca kuasa bermula 9/1/2023 (sepanjang 2023 ada 14 punca kuasa dan yang terkini 17/10/2023). -BPK keluarkan modul dan penataran modul MOBIM bertujuan membantu guru memantapkan pelaksanaan KSSR berikutan isu seperti silibus yang tinggi, guru tidak cukup pendedahan dan tidak cukup masa kerana padat dalam KSSR. -Kelantan telah selesai 100% penataran kepada guru di 10 PPD. -Penataran kepada guru adalah secara 'hands on' dan menggabungkan beberapa SP serta ada unsur didik hibur dan menepati CPA (Concrete-Pictorial-Abstract) -Objektif, fokus, sasaran dan strategi MOBIM dikongsikan (slide). -Bahan berkaitan MOBIM boleh muat turun dari linktree (MOBIM KPM) kongsi dengan guru. -Perkongsian Cikgu Suhaimi (SISC+ Jeli)- MOBIM bukan digunakan sepenuh masa PdP tetapi boleh pilih utk laksana mana2 bahagian (induksi @ mana2 aktiviti PdP) -MOBIM bukan diguna untuk latih tubi dalam kelas tapi untuk rujukan guru. -Matematik-murid perlu libat/guna bahan maujud @ bahan konkrit-murid boleh rasa, pegang, lihat, main, sentuh oleh itu perlu cipta bahan maujud. -Sains- perlu mula dengan 'inquiry learning', murid buat dulu baru guru ajar. -Kita perlu juga lihat Kemahiran Pemulihan, cari objek yang senang dan dekat dengan kita/murid, sesuai dengan lokasi dan keperluan. -MOBIM sebagai bahan bantu untuk guru guna ke arah persediaan kurikulum baru 2027 dan gabung jalin/intergrasi guna ikut kesesuaian dan keperluan. -Punca kuasa MOBIM- kenyataan media akan dikongsi dalam Group wssap dan MOBIM boleh guna dalam PdP atau kelas ganti (relief). KEUPAYAAN TRANSFORMASI PENDIGITALAN DALAM PENGURUSAN -pendedahan kepada pegawai bagi melancarkan perjalanan bengkel dan perlu ada bila laksana bengkel. a) 'Running Slide' -slide tajuk, doa, ucapan, slot untuk menyokong bengkel -bahan slide penceramah bergantung pada penceramah masing-masing. b) Pelan Komunikasi -PDCA - ada dalam Action -i) Pautan/link... contoh linktree -ii) Tapak/sites... google site Sesi Latihan Bina Pelan Komunikasi -Peserta dibimbing bina linktree dan site.
--	--

	-Peserta terlibat sepenuhnya. Terima Kasih Pencatat: Suzylaiton bt Ismail (PPD Machang)	
TARIKH:	NAMA : TANDATANGAN:	

